

KENYATAAN SEBUTHARGA

TARIKH IKLAN : 07 NOVEMBER 2024



JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN



Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 221110 serta wajib berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan untuk melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:


BIL	NO. SEBUTHARGA DAN TAJUK PROJEK	LAWATAN TAPAK/TEMPAT BERKUMPUL	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH SEBUTHARGA DITUTUP / MASA
1.	PPN.PK. (S) 132/2024 (BKP) Tawaran Untuk Menyewa Premis dan Menjalankan Perkhidmatan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) Di Bangunan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Kod Berdaftar : 221110	Tarikh : 14 November 2024 (Khamis) Masa : 10.00 Pagi Tempat : Bilik Mesyuarat 2, Aras 1, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	Tarikh : Mulai 14 November 2024 (Khamis) Tempat : Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Aras 1, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	Tarikh : 21 November 2024 (Khamis) Masa : 12.00 Tengahari

1. Kontraktor yang berminat untuk menyertai sebutharga ini adalah **diwajibkan** untuk menghadiri sesi **taklimat sebutharga** sepertimana ketetapan di dalam kenyataan sebutharga.
2. Hanya penama syarikat yang sah sahaja dibenarkan menghadiri taklimat dan mengikut lawatan tapak dan perlu membawa dan menyerahkan **sesalinan** :
 - a) Kad Pengenalan pemilik syarikat;
 - b) Sijil pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan
3. Kehadiran ke sesi lawatan tapak adalah **diwajibkan** mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam menyokong usaha membendung penularan wabak COVID-19.
4. Dokumen Sebutharga boleh dibeli mulai **14 November 2024 (Khamis)** sehingga sebelum tutup **Sebutharga 21 November 2024 (Khamis)** pada waktu pejabat di Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Jabatan Perhutanan Negeri Perak.
5. Kontraktor-kontraktor atau penama-penama perlu mengambil Borang Pendaftaran Kontraktor di Jabatan Perhutanan Negeri Perak bagi tujuan untuk pembelian Kiriman Wang atau Bank Deraf terlebih dahulu dan membuat pembayaran di Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

6. Dokumen Sebutharga akan dijual dengan harga **RM 20.00 senaskhah** dan Borang Pendaftaran Kontraktor akan dijual dengan harga **RM 50.00** kepada kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang sah sahaja. Semua bayaran boleh dibuat dalam bentuk **Kiriman Wang** atau **Bank Deraf** atas nama "**BENDAHARI NEGERI PERAK**". Bayaran secara **Kad Debit** adalah diterima tetapi **Wang Tunai tidak akan diterima**. Semasa pembelian dokumen Sebutharga, penama juga **DIWAJIBKAN** untuk mengemukakan bersama Salinan Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak bagi tahun semasa.
7. Penama-penama atau wakil-wakilnya juga diminta untuk mengemukakan bersama **Sijil Pendaftaran Asal yang masih Aktif** yang dikeluarkan oleh **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Resit Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak**.
8. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang ditulis di penjuru kanan Sampul Surat No. Sebutharga dan dialamatkan seperti di bawah dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang disediakan di **Bilik Tender, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan** sebelum atau pada **21 November 2024 (Khamis)** pada jam **12.00** tengahari.

PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA
BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN

9. Pemilihan kontraktor yang berjaya adalah berdasarkan analisa sistem '*cut-off*'. Oleh yang demikian, kerajaan tidak terikat untuk menerima sebutharga terendah atau sebarang sebutharga.



MUHAMMAD UZIR BIN MOHD TAHIR
Ketua Penolong Pengarah (Khidmat Pengurusan)
b.p Pengarah Perhutanan Negeri,
Perak Darul Ridzuan